



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
SABTU 20 MAC 2021**

<b>BIL</b>	<b>TAJUK KERATAN AKHBAR</b>	<b>KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI</b>
1. 2. 3.	BUNGA TAK CUKUP SYARAT, NEGARA, KOSMO -14 1,208KG KERATAN BUNGA ROS DARI ETHIOPIA DIRAMPAS, NASIONAL, BH -18 MAQIS RAMPAS BUNGA ROS BERNILAI RM43,210.65, MAHKAMAH & JENAYAH, SH -22	JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)
4.	JANGAN MUDAH TERTIPU BELI HARUMANIS, NEGERI PERLIS/P.PINANG/PERAK, SH -29	JABATAN PERTANIAN MALAYSIA (DOA)
5.	PROGRAM PEMBIAYAAN AGRO-YES, NASIONAL, BH -5	AGROBANK
6.	NAFAS JAMIN BENIH PADI MENCUKUPI, NASIONAL, SH -15	PERTUBUHAN PELADANG KEBANGSAAN (NAFAS)
7. 8. 9. 10. 11.	BIDANG PERTANIAN DIPERKASA DI ENAM KOLEJ VOKASIONAL, NASIONAL, BH -9 HARGA DEDAK MAHAL RUNSINGKAN PENTERNAK, NEGARA, KOSMO -10 TERENGGANU PERKENAL ENAKMEN BAHARU, DALAM NEGERI, UM -10 SARANG PENYU DICEMARI SISA PLASTIK HITAM, DALAM NEGERI, UM -10 PELANCONG PALING RAMAI BELI TELUR PENYU, DALAM NEGERI, UM -10	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN  
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

## Bunga tak cukup syarat

**SEPANG** – Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) merampas 1,208 kilogram (kg) keratan bunga ros segar bernilai RM43,210 di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA).

Pemangku Pengarah Maqis Selangor, Zamri Hashim berkata, keratan bunga ros dari Ethiopia itu dirampas di kawasan pemeriksaan Maqis Kargo KLIA pada pukul 3 petang, Selasa lalu.

Menurutnya, bunga itu dirampas kerana tidak mematuhi syarat permit import sah.

"Terdapat kesalahan dikesan ketika pemeriksaan rapi pada dokumen yang diisytiharkan iaitu nombor permit pada sijil fitosanitasi dan permit import dikemukakan kepada pegawai Maqis bertugas," kata-



**BUNGA** ros yang dirampas.

nya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Tambahnya, kes itu disiasat mengikut Seksyen 15(1) Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728) yang mempe-  
runtukkan hukuman denda RM100,000 atau penjara enam tahun atau kedua-duanya sekali jika sabit kesalahan.



**SEBAHAGIAN** kotak mengandungi bunga ros dari Ethiopia dirampas ketika diperiksa anggota Maqis di KLIA, Sepang Selasa lalu.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
20/3/2021	BERITA HARIAN	NASIONAL	16



Sebahagian keratan bunga ros yang dirampas.

(Foto ihsan MAQIS)

## 1,208kg keratan bunga ros dari Ethiopia dirampas

**Kuala Lumpur:** Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) merampas 1,208 kilogram keratan bunga ros segar bernilai RM43,210.65 di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) kerana didapati tidak mematuhi syarat permit import sah yang dikeluarkan jabatan itu.

Pemangku Pengarah MAQIS Selangor, Zamri Hashim, berkata keratan bunga ros dari Ethiopia itu dirampas hasil pemeriksaan rutin oleh pegawainya di kawasan pemeriksaan MAQIS Kargo KLIA pada jam 3 petang, Selasa lalu.

“Terdapat kesalahan dikesan ketika pemeriksaan rapi pada dokumen, yang diisytiharkan iaitu kekeliruan nombor permit pada sijil fitosanitasi dan permit import dikemukakan kepa-

da pegawai MAQIS bertugas.

“Kegagalan mengimport tanpa mematuhi syarat permit adalah satu kesalahan menurut Seksyen 15(1) Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728) dan boleh didenda tidak lebih RM100,000 atau penjara enam tahun atau kedua-duanya sekali jika sabit kesalahan,” katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Zamri berkata, MAQIS akan sentiasa teliti dan cekap dalam menjalankan pemeriksaan ke atas setiap dagangan yang diimport dan dieksport.

“Langkah ini bagi mengelakkan kemasukan dagangan diimport bersama penyakit dan perosak yang boleh menjejaskan negara serta mematuhi syarat serta peraturan ditetapkan kerajaan,” katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
20/3/2021	SINAR HARIAN	MAHKAMAH & JENAYAH	22

## Maqis rampas bunga ros bernilai RM43,210.65

**SEPANG** - Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) merampas sebanyak 1,208 kilogram (kg) keratan bunga ros segar dari negara Ethiopia di kawasan pemeriksaan Kargo Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) pada Selasa.

Pemangku Pengarah Maqis Negeri Selangor, Zamri Hashim berkata, keratan bunga ros bernilai RM43,210.65 itu dirampas hasil pemeriksaan rutin pihaknya pada jam 3 petang.

“Pemeriksaan mendapati terdapat kesalahan yang dikesan pada dokumen iaitu kekeliruan nombor permit pada sijil fitosanitasi dan permit import yang dikemukakan.

“Pengimportan dagangan bunga ini tidak mematuhi syarat permit import yang sah dari Maqis,” katanya dalam satu kenyataan pada Jumaat.

Tegasnya, kegagalan mengimport tanpa mematuhi syarat permit menjadi suatu kesalahan menurut Seksyen 15(1) Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728) dan boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau dipenjara selama enam tahun atau keduanya sekali jika sabit kesalahan.

Jelasnya, pihaknya akan sentiasa teliti dan cekap dalam menjalankan pemeriksaan ke atas setiap dagangan yang diimport dan dieksport bagi mengelakkan kemasukan dagangan yang diimport bersama penyakit dan perosak.

“Patuhi syarat serta peraturan telah ditetapkan kerajaan Malaysia,” katanya.

20/3/2021

SINAR  
HARIANNEGERI  
PERLIS/  
PAHANG/  
PERAK

29

# Jangan mudah tertipu beli harumanis

MAIPs pandang serius penjualan harumanis tiruan

Oleh ROSHILA MURNI ROSLI

## KUALA PERLIS

**M**ajlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs) memandang serius penjualan harumanis tiruan yang akan menjiskau pendapatan dan hasil pengusaha harumanis Perlis.

Raja Muda Perlis, Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail yang juga Yang Dipertua MAIPs bertitah, kesan kegiatan itu akan mengakibatkan penurunan kutipan zakat tanaman yang telah difatwakan wajib terhadap hasil biji-bijian dan buah-buah hasil pertanian.

Baginda bertitah supaya ti-

ada lagi penggemar mangga harumanis tertipu-semasa membeli buah yang menjadi ikon negeri Perlis itu.

"Beza mangga harumanis Perlis daripada 'buah tiruan' atau buah import ialah mangga harumanis Perlis mempunyai lekuk pada tangkai dan di bahagian luar tangkai," titah baginda selepas berkenan berangkat menghadiri Program Hijrah Minda MAIPs Bilangan ke 10 bagi tahun 2021 di Masjid Terapung Al-Hussain di sini pada Jumaat.

Baginda bertitah, mangga lain mempunyai 'babu' yang sama tinggi manakala 'bahu' harumanis berbeza antara kiri dan kanan serta bahagian perahnya mempunyai dua bentuk bucu.

"Dari segi tekstur isinya juga berbeza, kerana mangga lain lebih berserat dan ketara serta banyak jus, manakala harumanis memiliki serat yang amat halus dan sedikit jus tetapi jauh lebih manis," titah baginda.



Syed Faizuddin menyampaikan sambutan zakat kepada 25 orang anak dalam kalangan anak karlah masjid berkenaan melalui amil Masjid Terapung Al-Hussain di sini pada Jumaat.

Tambah Syed Faizuddin, harumanis Thai, harumanis Kemboja dan harumanis Burma merupakan antara nama yang sering digunakan penjual bagi melarikan jualan mempelam.

"Difahamkan penggunaan ciri-ciri harumanis pada mangga lam merupakan taktik pem-

aga untuk menarik pembeli.

"Situasi ini perlu diberi perhatian sewajarnya oleh semua pihak khususnya apabila musim harumanis dijangka bermula dari April hingga Jun tahun ini kerana buah berkenaan membawa imej negeri Perlis," kata-

Syed Faizuddin turut mena-

sibatkan orang ramai supaya mengetahui ciri-ciri sebenar mangga harumanis Perlis dengan merujuk kepada Jabatan Pertanian Negeri Perlis atau Melayari laman sosial rasmi Jabatan Pertanian Negeri bagi mengelak daripada ditipu.

"Penjualan yang menggunakan nama harumanis Perlis bagi melarikan jualan juga akan dipantau oleh pasukan khas diketuai Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Jabatan Pertanian dan FAMA serta dibantu beberapa agensi lain," titahnya.

Pada majlis sama baginda turut menyampaikan sambutan agihan zakat kepada 25 orang anak terpilih dalam kalangan anak karlah masjid berkenaan melalui amilnya.

Keberangkatan tiba baginda diiringi Mufi Perlis Datuk Profesor Madya Dr Mohd Asri Zainul Abidin dan Ketua Pegawai Eksekutif MAIPs Mohd Nazim Mohd Noor.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
20/3/2021	SINAR HARIAN	NASIONAL	5

BAK PETAJAN MALAYSIA BERHAD 200601010522 (81181049)



# Program Pembiayaan

**Agro-YES**  
Agro-Youth Entrepreneur Scheme

Khusus untuk agropreneur muda bagi menjalankan aktiviti projek Tanaman, Temakan, Perikanan dan Industri Makanan



Imbas kod QR untuk maklumat lanjut



# Mafas jamin benih padi mencukupi

Agensi itu pastikan benih padi diterima pesawah berkualiti, harga terkawal

Oleh NORSHAHZURA MAT ZUKI

**SHAH ALAM**

**P**ertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas) memberi jaminan mampu membekalkan benih padi sah dari pelbagai varieti yang

diperlukan pesawah untuk seluas 520,000 hektar kawasan penanaman padi di Semenanjung Malaysia.

Nafas memaklumkan agensi itu memastikan benih padi sah diterima pesawah bukan sahaja berkualiti, tetapi harga terkawal dan bekalan sentiasa mencukupi di pasaran.

Menurut Nafas, mengikut rekod, stok benih padi sah yang telah disahkan oleh Jabatan Pertanian adalah sebanyak 9,000 tan metrik dan yang sedang dalam proses pengesahan adalah sebanyak 39,000 tan metrik.

“Jumlah itu melebihi ke-

perluan satu musim penanaman padi. Pesawah di seluruh negara tidak perlu gusar terhadap kemampuan Nafas dalam memastikan bekalan benih padi sah adalah mencukupi untuk keperluan penanaman padi,” katanya dalam satu kenyataan pada Jumaat.

Nafas berkata, sehingga 12 Mac sebanyak 212,666 beg bersamaan 4253.32 tan metrik sudah didedahkan oleh ejen rasmi melalui Pertubuhan Peladang

Kawasan (PPK) di Semenanjung Malaysia.

“Nafas menganggarkan anggaran keperluan benih padi sah dalam tempoh setahun adalah 72,000 tan metrik bersamaan 3.6 juta beg untuk keluasan 520,000 hektar di Semenanjung Malaysia,” katanya.

Nafas berkata, agensi itu memaikan peranan besar dalam memastikan industri padi negara dapat berkembang sekali gus memenuhi permintaan pasaran.

“Nafas juga sentiasa me-

astikan benih padi sah didarkan adalah berkualiti dan memastikan bekalan benih padi sah ada dalam pasaran dengan harga kurang RM35 per beg.

“Harga siling RM35 bagi setiap 20 kilogram yang telah ditetapkan kerajaan mampu mengatasi isu manipulasi harga,” katanya.

Nafas berkata, pelantikannya sebagai pemborong tunggal dalam pembelian benih padi sah dilihat sebagai salah satu usaha kerajaan untuk membanteras pelbagai isu dan permasalahan benih padi sah yang dialami pesawah.



# Bidang pertanian diperkasa di enam Kolej Vokasional

Kementerian Pendidikan beri pendekatan khusus penuhi keperluan industri

Oleh Noor Hidayah Tanzizi  
bhnews@bh.com.my

**Teluk Intan:** Kementerian Pendidikan memberi pendekatan khusus untuk terus memperkakan bidang pertanian di Kolej Vokasional (KV) yang dilihat kurang mendapat penyertaan pelajar.

Menteri Kanan Pendidikan, Datuk Dr Radzi Jidin berkata, terdapat enam KV yang menawarkan program pertanian di seluruh negara iaitu KV Pasir Putih, Kelantan, KV Dato' Lela Maharaja, Negeri Sembilan, KV (Pertanian) Teluk Intan; KV (Pertanian) Chenor, Pahang; KV Lahad Datu, Sabah dan KV Pagoh, Johor yang baharu dibuka untuk pengambalian tahun ini.

Katanya, secara keseluruhan 2,025 pelajar mengikuti program berkenaan di lima KV, bilarpun ia jumlah yang memberangsang-



**Mohd Radzi melaburkan lawatan kerja ke Kolej Vokasional (Pertanian) Teluk Intan, Perak, semalam.** (Foto Ihsan KPM)

satu industri dan ruang cukup besar untuk diterokai dengan penggunaan teknologi.

"Pelajar boleh mendapat kepeluasan dalam konteks pengetahuan yang diperluhi industri dan mereka juga boleh menjadi usahawan."

"Kita melihat penambahbaikan yang boleh dilaksanakan dalam konteks kemudahan dan ko-

lebih kepada ruminan (Agroindustri Ternakan Ruminan).

"Bagaimana boleh ditambah baik penawaran diberikan khususnya dalam konteks pengetahuan mengambil kira teknologi terkini," katanya.

Beliau berkata demikian selepas melakukan lawatan kerja ke KV (Pertanian) Teluk Intan di

minataan, sekali gus meyakinkan ibu bapa terhadap kebolehpasaran bidang itu.

"Kita sedar ada ibu bapa berasakan ruang dan peluang diberikan di KV adalah sesuatu yang tidak menjangkakan masa depan lebih baik untuk anak, tetapi hakikatnya pelajar ini diperlukan dalam industri dan pekerjaan."



# Harga dedak mahal runsingkan penternak



Analisis  
Semasa

Bersama  
**MUHAMMAD  
AYMAN CHAFFA**

**SEJAK** cuaca panas bermula awal Februari lalu, ramai golongan petani dan penternak berdepan dengan kenaikan harga makanan haiwan dan dedak. Kebanyakan penternak lembu dan kambing di Kelantan khususnya menggunakan rumput untuk memberi makan kepada ternakan mereka.

Susulan cuaca panas, rumput menjadi kering dan keadaan itu tidak sesuai untuk diberikan kepada lembu dan kambing sekali gus penternak terpaksa menggunakan dedak.

Bagaimanapun, harga dedak semakin meningkat kerana mendadak sejak sebulan lalu.

Seorang penternak lembu di Pasir Pekan, Tumpat, Anuran Rami, 45, ketika ditemui Kosmo! baru-baru ini mengesahkan kerana harga dedak semakin mahal, namun dia tiada pilihan kerana rumput yang berada di kawasan kampungnya sudah kering.

Katanya, dia terpaksa membeli bekalan dedak kerana tidak mahu ternakannya kelaparan.

"Saya boleh memberi ternakan jerami sebagai alternatif,

namun ia juga melibatkan kos pengangkutan kerana perlu mengambil tanaman itu di kawasan lain.

"Mahu atau tidak, saya perlu membeli makanan haiwan kerana itu sahaja cara untuk lembu-lembu makan," katanya.

Menurutnya, kenaikan harga dedak dilihat akan berlaku sekiranya mendapat permintaan tinggi daripada penternak.

Yang Dipertua Persatuan Pengguna Islam Kelantan (PPIK), Datuk Seri Dr. Mohd. Fared Abdul Ghani berkata, pihaknya menerima banyak aduan daripada penternak mengenai masalah itu.

Katanya, selepas meneliti laporan yang diterima, beliau berdukacita dengan isu itu kerana ia melibatkan golongan penternak terdiri daripada golongan kurang berkemampuan.

"Kenaikan harga makanan haiwan dan dedak dilihat naik sebanyak 30 peratus iaitu daripada 40 sen hingga mencecah RM2 mengikut jenis-jenisnya. Ia melibatkan jualan dedak seberat 20 hingga 50 kilogram.

"PPIK beranggapan bahawa pihak pengilang mengambil kesempatan dengan menaikkan harga makanan haiwan ketika musim Perintah Kawalan Pergerakan baru-baru ini.

"Ia dapat dilihat apabila stok makanan haiwan sukar didapati selain ia dijual pada kadar yang terhad oleh peruncit sejak Januari-

ri lalu," katanya ketika dihubungi Kosmo!

Menurut Mohd. Fared, beliau mencadangkan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Bahagian Penguatkuasaan Harga dapat memainkan peranan utama dalam memantau kenaikan harga makanan haiwan terutamanya di Kelantan.

Katanya, beliau merasakan kenaikan harga makanan haiwan tidak kena pada masanya kerana kebanyakan golongan penternak amat terkesan dengan penularan wabak Covid-19 ketika ini.

Sementara itu, Pengerusi Lembaga Pertubuhan Peladang, Datuk Dr. Nik Muhammad Zawawi Salleh berkata, kenaikan harga makanan haiwan tidak selari dengan permintaan ketika penularan Covid-19.

Katanya, sektor penternakan di negara ini tidak terkecuali merentama tempas akibat penularan Covid-19 dan kerajaan perlu campur tangan dalam isu tersebut.

"Harga barangan sukar untuk dikawal pada kedudukan yang stabil kerana pengilang juga menghadapi masalah mendapatkan bahan mentah terutama yang perlu diimport dari luar negara.

"Justeru, kerajaan perlu mengambil perhatian terhadap masalah penternak kerana ia sudah berlarutan sejak tahun lalu," ujarnya.

Denda lebih tinggi jika ganggu, bunuh penyu

## Terengganu perkenal enakmen baharu

Oleh ROSALINDA MD. SAID  
rosalinda.said@mediamalaysia.com.my

**KUALA TERENGGANU:** Mana-mana individu yang mengganggu atau membunuh penyu bakal dikenakan hukuman dan denda lebih tinggi.

Penegasan berkenaan diwujudkan Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Pembangunan Desa negeri, Dr. Azman Ibrahim bagi memastikan reptilia marin yang menjadi identiti Terengganu itu tidak terus diancam kepupusan.

Katanya, perkara itu turut diberi perhatian dalam usaha kerajaan negeri meminda Enakmen Penyu Terengganu 1951 (Pindaan 1987) bagi menghalang penjualan semua jenis telur di pasaran.

"Kita masih dalam proses merinda dan dijangka enakmen baharu itu dapat dibawa ke Persidangan Dewan Undangan



AZMAN IBRAHIM

Negeri (DUN), November ini.

"Selain pindaan mengenai penjualan telur, ada beberapa hukuman dan denda yang ditingkatkan membabitkan kesalahan mengganggu serta membunuh penyu," katanya kepada *Utusan Malaysia* semalam. Akhbar ini semalam melapor-

kan habitat penyu di negeri ini yang menjadi tumpuan reptilia marin tersebut mendarat sekiranya terjejas kerana lokasi pendaratarannya diancam hakisan selain dibelenggu aktiviti penyu 'terbang' atau mencuri telur, pelancongan, pencemaran plastik dan terperangkap dalam pukat.

Azman berkata, pindaan enakmen itu bertujuan menyekat penjualan semua jenis telur penyu termasuk melalui dalam talian dan penjualan secara terbuka di beberapa pasar utama di negeri ini.

Terengganu adalah satu-satunya negeri di Malaysia yang tidak melarang penjualan telur penyu di pasaran selain daripada spesies belimbing.

Larangan penjualan telur belimbing dibuat berdasarkan peruntukan dalam Enakmen Penyu Terengganu 1951 yang dipinda buat kali pertama pada 1987.

## Sarang penyu dicemari sisa plastik hitam

**KUALA TERENGGANU:** Pantai persarangan penyu di kawasan utara Terengganu di Besut merekodkan pencemaran sisa plastik hitam yang tinggi berbanding di sebelah selatan di Kertih.

Penemuan itu berdasarkan kajian garis data asas yang dijalankan Universiti Malaysia Terengganu (UMT) di empat pantai persarangan terpilih di negeri ini bagi menentukan kadar taburan pencemaran mikroplastik.

Ketua Makmal Penyelidikan Luar Unit Penyelidikan Penyu (Seatru), Institut Oseanografi dan Sekitaran UMT, Dr. Mohd. Uzair Rusli berkata, situasi itu berisiko memberi kesan menyeluruh terhadap penyu kerana mengganggu proses pengeraman sekali gus mengakibatkan populasi spesies terancam itu menjadi tidak stabil.

Katanya, lebih membimbangkan apabila suhu penge-

raman mempengaruhi pertumbuhan jantina anak penyu dengan suhu lebih panas cenderung menghasilkan anak betina sahaja.

"Plastik mempunyai keupayaan menyerap dan menyimpan haba dengan lebih tinggi, jadi mampu menjadikan sarang pengeraman telur penyu lebih panas.

"Lebih mengejutkan, sisa plastik berwarna hitam paling banyak dengan lebih tinggi, jadi mampu menjadikan sarang pengeraman telur penyu lebih panas.

Menurut Mohd Uzair, dengan isu pemanasan global pada masa ini, pihaknya menjangkakan penghasilan induk jantan terganggu sekali gus bakal menyebabkan ketidakstabilan nisbah jantan kepada betina dalam populasi spesies itu.

## Pelancong paling ramai beli telur penyu

**KUALA TERENGGANU:** Penjualan telur penyu di Pasar Payang 2 di sini, mendapat permintaan tinggi dalam kalangan pelancong.

Seorang peniaga yang ditemui, Nurul, 20-an berkata, pemerhatiannya mendapati golongan pelancong lebih berminat membeli telur penyu berbanding penduduk tempatan.

Katanya, pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) mahu pun PKP Bersyarat (PKPB) tidak menghalang pelancong untuk terus mendapatkan bekalan telur penyu itu daripadanya.

"Musim Covid-19 begini, orang luar tidak boleh ke Terengganu. Jadi kita pos tempahan mereka.

"Telur penyu biasanya direbus. Walaupun sudah direbus, bahagian putih dan kuning tetap lembut," katanya kepada *Utusan Malaysia* baru-baru ini.

Berdasarkan Enakmen Penyu Terengganu 1951 (Pindaan 1987), penjualan telur penyu

tidak memalahi undang-undang di negeri ini selain daripada spesies belimbing.

Peniaga itu berkata, setakat ini urusan penghantaran barangan itu berjalan lancar kerana telur penyu sukar pecah di samping membalut bungkusan dengan rapi.

Sementara itu, kata Nurul, tiga peniaga menjual telur penyu di pasar pelancongan berkenaan dengan bekalan diperolehi melaluinya.

Katanya, stok telur berkenaan dibeli dari Pulau Redang dan lazimnya penghantaran dibuat selang satu ke dua minggu membabitkan sejumlah 1,000 biji.

"Telur penyu di kedai saya berharga RM6 sebiji, lebih murah berbanding yang dijual di premis-premis lain iaitu antara RM7 ke RM10.

"Jika tidak habis dijual dalam tempoh dua minggu, telur penyu lazimnya direndam dengan air garam bagi dijadikan jeruk dan dijual pada harga RM5.50," katanya.



ANTARA telur penyu yang dijual di Pasar Payang 2, Kuala Terengganu mendapat permintaan tinggi dalam kalangan pelancong. - UTUSAN/PUQTRA HARRY ROSLI